

Mesej Komunikasi Keluarga dalam Surah Luqman

Family Communication Messages in Surah Luqman

Safinah Ismail¹, Rosmawati Mohammad Rasit², Zulkefli Aini³

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
30 MEI 2019	14 JUN 2019	22 JULAI 2019

ABSTRAK

Mesej adalah komponen penting dalam proses komunikasi. Proses komunikasi berjaya jika mesej yang disampaikan dapat difahami dan memberi makna yang tepat. Mesej komunikasi ini banyak disebut dalam al-Quran. Mesej komunikasi juga dibincangkan dalam institusi kekeluargaan. Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan berkaitan mesej komunikasi keluarga yang terdapat dalam surah Luqman. Metod kajian adalah kualitatif menggunakan reka bentuk kajian analisis kandungan berdasarkan tafsir al-Quran. Surah Luqman yang dianalisis adalah ayat 13 sehingga 19. Kaedah analisis data dibuat berdasarkan tematik. Dapatan kajian menunjukkan dalam surah Luqman terdapat mesej penting yang dipaparkan, ia merangkumi akidah (jangan mensyirikkan Allah), ibadah (solat), akhlak (sabar, jangan memaling wajah daripada manusia, jangan berjalan di muka bumi dengan angkuh (jangan bongkak), perlahankan suara dan dakwah (amar makruf nahi mungkar). Luqman merupakan contoh bapa yang disebut dalam al-Quran sebagai panduan kepada para bapa masa kini agar terus memberi nasihat kepada anak-anak dengan pelbagai mesej.

Kata Kunci: Mesej, Komunikasi Keluarga, Surah Luqman

ABSTRACT

Content of the message is an important component in the process of communication. The communication process is successful if the message is delivered comprehensively and correctly. This communication message is widely mentioned in the Qur'an. Communication messages are also discussed in family institution. Therefore, this paper will discuss the related family communication messages found in surah Luqman. Method of study was qualitative design using content analysis study based on the interpretation of the Qur'an. Analysis is made from verses 13 to 19 from surah al luqman. The method of data analysis is based on thematic. The findings show in surah Luqman there are important messages was displayed, it includes creed (tauhid), devotion (prayer), moral (patience, do not turned face from people, do not walk on earth proudly (do not arrogant), slow down the voice and preaching (amar makruf nahi mungkar). Luqman is the example of father referred to in the Qur'an as a guide to father nowadays so that continues to provide advice to children with a variety of messages

Keywords: Family Communication, Messages, Surah Luqman

¹ Safinah Ismail, Pensyarah, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam , Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), safinah@kuis.edu.my

² Rosmawati Mohammad Rasit, Pengerusi, Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, , Fakulti Pengajian Islam , Universiti Kebangsaan Malaysia(UKM), rosmawati@ukm.edu.my.

³ Zulkefli Hj Aini, Pensyarah, Program Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia(UKM) zulaini@ukm.edu.my

1.0 Pengenalan

Dalam sesebuah keluarga, ibu bapa adalah orang yang terpenting dalam hidup anak-anak. Ibu bapa berperanan sebagai pemberi nasihat, tunjuk ajar dan bimbingan dengan menegur perbuatan anak-anak secara hikmah sekiranya terdapat perbuatan yang melanggar batasan agama Islam. Oleh itu, mewujudkan suasana keluarga yang positif, komunikasi yang baik perlu diamalkan dalam setiap ahli keluarga (Robitoh Widi Astuti 2011). Ibu bapa perlu menanamkan nilai-nilai murni dalam diri anak-anak supaya mereka boleh menempuh kehidupan mereka dengan sempurna (Asiah Bt Ali, Irkhaniza Bt Mad Rahim, Mohamed Sharif Bin Mustaffa, 2008) (Abdul Munir Ismail, 2013). Sikap ibu bapa yang positif akan melahirkan generasi anak-anak yang positif. Ibu bapa bertanggungjawab membimbing dan mendidik anak-anak terhadap aspek utama dalam Islam (Izzah Nur Aida Zur Raffar dan Salasiah Hanin Hamjah, 2015). Institusi kekeluargaan menjadi kukuh apabila ibu bapa dan anak-anak pandai berkomunikasi sehingga keseluruhan ahli keluarga merasakan dirinya dicintai, dikasihi, dihargai dan dimuliakan (Habibie Bte Hj Ibrahim1, Mazni Mustapha, Joki Perdani, Puteri Hayati Megat Ahmad, Nurul Hudani Md Nawawi, 2018). Komunikasi penting dalam penyelesaian konflik keluarga dan membentuk penyesuaian psiko-sosial remaja dan dewasa awal (Jamiah Manap, Sidek Baba, Nik Suryani Nik Ab. Rahman dan Haniza Rais , 2013).

Apabila komunikasi antara ibu bapa dan anak berlangsung dengan baik, hubungan keluarga semakin rapat dan mewujudkan kasih sayang serta memudahkan sebarang penyelesaian masalah (Che Hasniza Che Noh dan Fatimah Yusoff, 2011). H.M Nador (2015) menyatakan komunikasi diperlukan bagi mencapai tujuan pembinaan akhlak anak-anak kerana ibu bapa dapat memberikan informasi yang baik sebagai panduan anak-anak dalam menjalani kehidupan. Justeru ibu bapa perlu menyampaikan mesej komunikasi yang bermakna buat anak-anak. Kajian oleh HM Nador (2015) mendapati pembinaan akhlak anak-anak masih belum dapat membentuk akhlak yang baik. Terdapat anak-anak yang terpengaruh dengan teman yang kurang baik akhlaknya seperti kurang menghormati ibu bapa, berkata-kata buruk, tidak mahu belajar, ponteng sekolah dan tidak mahu membantu ibu bapanya. Manakala Abu Dzar Ahmad dan Mohd Arif Nazri (2017) menyatakan sesebuah keluarga Islam yang menghadapi masalah adalah disebabkan kelemahan ibu bapa berkomunikasi dengan anak-anak. Tambahan pula ibu bapa menghadapi masalah dalaman dan luaran. Masalah dalamannya adalah kurang penekanan terhadap didikan agama kepada anak-anak, tiada peranan ibu bapa sebagai *role-model* dan hubungan yang tidak akrab. Cabaran luaran pula adalah disebabkan kesibukan dengan aktiviti-aktiviti di luar rumah. Oleh itu, bapa sebagai ketua keluarga memikul tanggungjawab memimpin anak-anak agar menjadi insan yang berjaya dunia dan akhirat (Robitoh Widi Astuti 2011). Bapa juga memegang peranan yang penting dalam pertumbuhan dan perkembangan anak. Anak memandang bapa sebagai teladan bagi dirinya. Perilaku bapa mempengaruhi perilaku anak (Ahmad Gawdy Pranansa, Doni Pestalozzi, Adisel, 2018). Sehubungan itu, kajian ini cuba mengkaji mesej komunikasi keluarga yang terdapat dalam surah Luqman. Luqman merupakan contoh bapa yang disebut dalam al-Quran sebagai panduan kepada para bapa masa kini agar terus menyampaikan mesej berbentuk nasihat kepada anak-anak.

Perbincangan Komunikasi Bapa Terhadap Anak Dalam Al-Quran

Bapa sebagai ketua keluarga perlu mencontohi personaliti kebapaan para nabi dan generasi soleh sebelumnya agar peranan dan tanggungjawab dapat diuruskan dengan sebaiknya (Izzah Nur Aida Zur Raffar dan Salasiah Hanin Hamjah, 2015). Bapa perlu bergaul dengan penuh kasih sayang terhadap anak-anak kerana ia memberi pengaruh yang amat besar dalam

sama seperti baginda yang begitu taat dengan perintah Allah S.W.T dan juga laranganNya. Baginda merupakan seorang ayah yang penyayang kepada anak-anaknya dan selalu menggelar mereka dengan gelaran “*ya bunayyya*” yang melambangkan sayangnya baginda kepada mereka. Namun begitu, selain penyayang, baginda juga mempunyai ciri-ciri seorang ayah yang demokrasi. Walaupun baginda diperintahkan untuk mengorbankan puteranya, baginda masih meminta pendapat Nabi Ismail berkaitan hal itu (Rahmi 2015).

Komunikasi dan Keluarga

Komunikasi adalah satu proses bagaimana individu berkongsi pengalaman dan berhubung dengan seseorang. Setiap individu mempunyai pengalaman yang berbeza. Apabila seseorang menyampaikan pengalamannya kepada orang lain, itu dinamakan komunikasi (Rezki Perdani Sawai & Sapora Sipon 2010). Istilah "komunikasi" telah diperolehi dari bahasa Latin "komunis," yang bermaksud "biasa". Oleh itu, "untuk berkomunikasi" bermaksud "untuk membuat persamaan" atau "untuk diketahui", "untuk berkongsi" dan termasuk lisan, interaksi manusia tanpa lisan dan elektronik. Ia adalah pertukaran maklumat yang bermakna antara dua atau sekumpulan orang. Selain itu, definisi komunikasi adalah apa-apa perbuatan oleh seseorang dalam memberi atau menerima maklumat daripada orang lain tentang keperluan, keinginan, persepsi, pengetahuan, atau keadaan afektif. Pertukaran idea dan pendapat boleh diperolehi dengan gerak isyarat, tanda, isyarat, ucapan atau tulisan (John Velentzas dan Georgia Broni 2014). Keluarga adalah kesatuan hidup sosial yang dimiliki oleh manusia. Ia terbentuk melalui ikatan perkahwinan atau hubungan darah. Ada yang disebut keluarga inti (*nuclear family*), iaitu anggotanya terdiri dari ayah dan ibu beserta anak-anak kandung mereka atau anak-anak yang dianggap sebagai anak kandung sendiri. Ada juga keluarga yang anggotanya tidak hanya terdiri dari keluarga inti bahkan menggabungkan keluarga besar seperti saudara mara, sepupu, cucu dan sebagainya (Gloria Mariska L 2007). Komunikasi merupakan satu dialog dan kerjasama dalam pelbagai aspek dan hubungan antara anggota keluarga khususnya antara ibu bapa dan anaknya. Komunikasi keluarga adalah komunikasi atau interaksi terjadi di antara ibu bapa dengan anaknya agar memberikan kesan, keinginan, sikap, pendapat, dan pengertian yang berlandaskan rasa kasih sayang, kerjasama, penghargaan, kejujuran, kepercayaan dan keterbukaan (Putra, Fajar Pamukti 2010). Komunikasi yang baik dalam keluarga boleh meningkatkan keseronokan, mengeratkan hubungan dan seterusnya membuatkan setiap ahli dalam keluarga merasakan ia dipunyai oleh keluarga tersebut. Komunikasi yang sihat ialah komunikasi secara dua hala. Dengan kata lain, komunikasi keluarga boleh berlaku secara pertuturan bersemuka, bukan pertuturan dan penggunaan perantaraan (Abd Rahim Abd Rashid et al. 2006).

Komunikasi dalam keluarga wajar menerapkan pelbagai elemen *uslub* Nabi SAW berkomunikasi dengan para sahabat di samping membina kualiti remaja berkomunikasi. Meneladani intipati *uslub* baginda dapat membentuk suasana komunikasi keluarga yang baik, ibu bapa khususnya perlu memulakan peranan tersebut ketika anak-anak masih kecil (Abu Dzar Ahmad & Mohd Arif Nazri, 2017). Kemampuan komunikasi awal bagi perkembangan anak berada di peringkat keluarga. Keluarga yang memiliki budaya berkomunikasi yang baik akan membina hubungan yang baik dalam membina kecerdasan anak-anak. Komunikasi merupakan suatu keperluan bagi anak. Dengan adanya komunikasi yang baik antara ibu bapa dan anak, menunjukkan penerimaan ibu bapa terhadap anaknya (Yenny Wijayanti 2013). Di dalam keluarga, penerima mesej adalah anak-anak (Putra Fajar Pamukti 2010). Ketika komunikasi berlangsung, proses dialog, pertukaran pendapat dan penyampaian nilai akan dibawa oleh ibu bapa. Nilai-nilai tersebut terus dilakukan bagi mempertahankan dari generasi ke generasi. Walau bagaimana pun, interaksi ayah akan mempengaruhi anak dengan cara

yang berbeza dengan ibu (Firdanianty 2016). Ibu bapa perlu berkomunikasi dengan anak-anak bagi memberi nasihat dan bimbingan sama ada hal yang berkaitan agama, akademik, kehidupan dan masalah peribadi. Pada masa yang sama perlu komunikasi hati ke hati iaitu memahami jiwa atau internalisasi bagi membentuk suatu kepercayaan (Sidek Baba 2010). Memberi nasihat ketika rekreasi, atas kenderaan, dalam perjalanan, ketika makan dan ketika sakit. Pemberian nasihat perlu waktu yang tepat dan sikap yang bijaksana, jauh dari kekerasan dan kebencian. Ini penting bagi menimbulkan dan menanam rasa percaya diri anak. Kepercayaan diri dapat melahirkan keperibadian yang unggul dengan keyakinan yang kuat terhadap apa yang pernah dilakukan. Jauh dari kebergantungan dengan orang lain, punya sikap kepercayaan dalam diri anak-anak (Nur Wahidah Zambri 2011).

Mesej

Mesej merupakan intipati dalam proses komunikasi. Ia juga dikenali sebagai utusan, maklumat atau informasi. Ia disampaikan bagi menyatakan sesuatu yang penting (Zulkefli Aini dan S.Salahudin Suyurno 2016). Mesej menerangkan sesuatu perkara yang telah dirancang oleh sumber untuk mengubah sikap dan tingkah laku penerima (Miller, Katherine 2001). Mesej boleh berbentuk lisan atau kata-kata bertulis (Werner J. Severin & James W. Tankard Jr. 1998). Mesej ada yang tersurat dan ada yang tersirat. Mesej yang disampaikan perlu disesuaikan dengan penerima dan tafsirannya berbeza mengikut budaya dan kepercayaan masing-masing. Mesej komunikasi kepada anggota keluarga untuk mempengaruhi atau membentuk sikap yang disampaikan ibu atau bapa sebagai penyampai. Komunikasi yang baik dalam keluarga boleh meningkatkan keseronokan, mengeratkan hubungan dan seterusnya membuatkan setiap ahli keluarga rasa dihargai. Komunikasi yang sihat ialah komunikasi secara dua hala. Komunikasi keluarga boleh berlaku secara pertuturan bersemuka, bukan pertuturan dan penggunaan perantaraan (Abd Rahim Abd Rashid et al. 2006). Dalam konteks Islam, mesej adalah *mawdu' dakwah*, ia meliputi akidah, ibadah dan akhlak yang bersumberkan al-Quran dan al-Hadith (Zulkefli Aini dan S.Salahudin Suyurno 2016).

2.0 Metodologi kajian

Metodologi kajian merupakan perancangan umum bagaimana penyelidikan yang ingin dilaksanakan dapat menghasilkan data-data yang tepat atau hampir tepat bagi menerbitkan dapatan-dapatan yang berkualiti untuk manfaat bersama (Chua Yan Piaw, 2014). Rekabentuk kajian merujuk kepada suatu teknik atau kaedah tertentu untuk memperoleh maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan masalah. Ia dapat memastikan bahawa maklumat yang diperolehi adalah sesuai dengan persoalan masalah yang ingin diselesaikan. Di samping itu, maklumat yang dikumpul akan diperolehi dengan kaedah yang paling berkesan (Mohd Majid Konting, 1998). Metod kajian adalah kualitatif melalui analisis kandungan berdasarkan tafsir al-Quran. Surah Luqman yang dianalisis adalah ayat 13 sehingga 19. Kaedah analisis data dibuat berdasarkan tematik.

3.0 Dapatan Kajian

Latar Belakang Luqman

Nama Luqman tercatat di dalam al-Quran sebagaimana yang terdapat dalam surah Luqman ayat 12. Walau bagaimanapun, al-Quran tidak memperincikan identiti beliau daripada sudut nama penuh dan latarbelakang kehidupannya. Malah hadis juga tidak menjelaskan siapakah

Luqman yang dinukilkan nama dan kisah pengajarannya di dalam al-Quran. Sehubungan dengan itu, para mufassir berbeza pandangan menentukan identiti sebenar Luqman. Menurut Ibn Kathir (2003), Luqman ialah Unqa bin Sadun. Nama anaknya Tharan seperti yang diceritakan oleh al-Suhaili daripada Ibnu Jarir dan Qutaibi. Al-Suhaili mengatakan beliau adalah nabi dari penduduk Ailah. Ada yang mengatakan beliau seorang lelaki yang soleh, ahli ibadah dan mempunyai banyak kata-kata hikmah. Beliau seorang hamba Habsyi. Berkata Yahya bin Said al-Ansori daripada Said bin Musaiyyib bahawa Luqman daripada orang Sudan Mesir yang diberikan hikmah oleh Allah SWT (Ibnu Kathir al-Dimsyiqi 2003).

Al-Alusi (t.th) dalam kitabnya *Rūhūl Maʿānī fī Tafsīr al-Quran al-ʿAzīm wa Sabʿu al Mathānī* mengatakan Luqman adalah nama ʿajam bukan nama Arab. Dikatakan juga Ibnu Baʿura. Wahab bin Munabbih pula ada menyatakan bahawa Luqman adalah anak lelaki daripada adik perempuan kandung Nabi Ayyub A.S. Dikatakan Luqman anak kepada Azar, beliau hidup 1000 tahun. Beliau menjadi mufti sebelum Nabi Daud diangkat menjadi Nabi. Namun setelah Nabi Daud diangkat menjadi nabi, beliau tidak lagi memberi fatwa (al - Khalidy 2004). Beliau hidup sezaman dengan zaman Nabi Daud, bahkan gurunya sendiri ialah Nabi Daud. Dia seorang lelaki yang bijak bukan nabi (Al-Jazairi 2008). ʿAkramah dan Syaʿbi mengatakan beliau adalah nabi. Kebanyakan yang lain mengatakan beliau bukan nabi. Kebanyakan dalam kalangan ahli tafsir berbeza pendapat adakah beliau hamba atau orang yang merdeka? Kebanyakannya mengatakan beliau adalah hamba dan ada yang mengatakan beliau adalah orang Habsyah. Manakala al-Baghawi (1997) mengatakan bahawa telah bersepakat ulama menyebut beliau adalah seorang lelaki yang bijaksana. Ada sebahagian mereka berkata bahawa Luqman telah diberi pilihan sama ada memilih antara kenabian atau kebijaksanaan? Beliau memilih kebijaksanaan. Selain itu, Luqman juga merupakan tempat nasihat dan tempat perbincangan Nabi Daud a.s. Ibnu Abbas dan Mujahid pula menyatakan bahawa beliau merupakan keturunan Habsyi (Ibnu Kathir al-Dimsyiqi 2003). Luqman merupakan seorang yang kuat dan berani. Beliau ialah seorang hamba Allah yang soleh, bahkan banyak dalam riwayat sahih menyatakan bahawa beliau mempunyai bentuk fizikal yang tidak cantik seperti hidung yang pesek, berkulit hitam legam dan lain-lain. Menurut al-Maraghiy (2001), beliau seorang tukang kayu yang hidup serba sederhana. Seorang lelaki berkulit hitam datang mengadu kepada Saʿid bin al-Musayyib. Saʿid kemudian berkata: “Janganlah bersedih lantaran kulit kamu hitam, kerana di antara manusia pilihan itu, ada tiga orang semuanya berkulit hitam iaitu Bilal bin Rabbah, Mahja’ iaitu hamba Sayidina Umar bin Khatab dan Luqman. Demikianlah banyak riwayat tentang keturunan beliau. Masyhur daripada kebanyakan ulama mengatakan bahawa Luqman seorang lelaki yang bijaksana, dan seorang wali yang bukan nabi (Ibnu Kathir al-Dimsyiqi 2003).

Mesej komunikasi keluarga Berbentuk Nasihat dalam Surah Luqman

Di dalam Surah Luqman ini, diceritakan berkenaan bagaimana corak ibu bapa dalam memberi nasihat berbentuk *Mauʿizah Hasanah* kepada anak-anak. Kisah ini terdapat di dalam beberapa potong ayat di dalam surah ini iaitu bermula daripada ayat 13 hingga 19.

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ - وَهُوَ يَعِظُهُ يَبْنِي لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ١٣
وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهَنًا عَلَىٰ وَهَنٍ وَفِصْلُهُ فِي عَامَيْنِ أَنِ اشْكُرْ لِي
وَلِوَالِدَيْكَ إِلَيَّ الْمَصِيرُ ١٤ وَإِنْ جَاهَدَاكَ عَلَىٰ أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ - عِلْمٌ فَلَا
تُطِعْهُمَا وَصَاحِبِهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا وَاتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَيَّ ثُمَّ إِلَيَّ مَرْجِعُكُمْ
فَأُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ١٥ يَبْنِي إِنَّهَا إِنْ تَكُ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِنْ خَرْدَلٍ فَتَكُنْ فِي

صَخْرَةٍ أَوْ فِي السَّمُوتِ أَوْ فِي الْأَرْضِ يَأْتِ بِهَا اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ لَطِيفٌ خَبِيرٌ ١٦ يُبَيِّنُ أَقِيمِ
الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَانْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ إِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ
الْأُمُورِ ١٧ وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ
مُخْتَالٍ فَخُورٍ ١٨ وَأَقْصِدْ فِي مَشْيِكَ وَآغْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ إِنَّ أَنْكَرَ الْأَصْوَاتِ لَصَوْتُ
الْحَمِيرِ ١٩

Maksudnya:

“Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa dia memberi nasihat kepadanya: Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya) dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua ibubapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan). Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekutukan denganKu sesuatu yang engkau dengan fikiran sihatmu tidak mengetahui sungguh adanya maka janganlah engkau taat kepada mereka dan bergaulah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik dan turutlah jalan orang-orang yang rujuk kembali kepadaKu (dengan tauhid dan amal-amal yang soleh). Kemudian kepada Akulah tempat kembali kamu semuanya, maka Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan. (Luqman menasihati anaknya dengan berkata): Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya jika ada sesuatu perkara (yang baik atau yang buruk) sekalipun seberat bijih sawi serta ia tersembunyi di dalam batu besar atau di langit atau pun di bumi, sudah tetap akan dibawa oleh Allah (untuk dihakimi dan dibalasNya); kerana sesungguhnya Allah Maha Halus pengetahuan-Nya; lagi amat meliputi akan segala yang tersembunyi. Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya. Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong; sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi membanggakan diri. Dan sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan, juga rendahkanlah suaramu (semasa berkata-kata), sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai.”

Sayyid Qutb (1992) berpendapat bahawa tindakan Luqman Al-Hakim memberi nasihat kepada anaknya itu merupakan sebuah tindakan yang bijak, bersih dari cacat cela kerana Luqman telah dikurniakan kebijaksanaan. Nasihat dengan menggunakan bahasa yang lunak adalah saluran yang digunakan oleh Luqman sebagai seorang bapa kepada anak. Luqman menggunakan lafaz *يُبَيِّنُ* yang menunjukkan bentuk *tarqiq* iaitu ungkapan kasih sayang dan

kelembutan (al Qurtubi 2009). Ia membawa beberapa mesej penting komunikasi keluarga yang dibahaskan di bawah ini. Mesej yang menjadi tema dalam komunikasi keluarga adalah berkaitan akidah (tauhid), ibadah, akhlak dan dakwah. Dari sudut akidah iaitu berkaitan tidak mensyirikkan Allah SWT, jangan mentaati kedua ibu bapa dalam melakukan syirik pada Allah SWT (Al-Qurtubi 2009), persoalan hari akhirat dan disertai dengan penerangan-penerangan yang meninggalkan kesan di dalam jiwa. Luqman menjelaskan bahawa syirik merupakan kezaliman yang besar kerana meletakkan sesuatu bukan pada tempatnya dan ia merupakan dosa besar kerana menyamakan Allah SWT dengan berhala yang tidak mampu melakukan sesuatu pun (al-Maraghiy 2009). Haji Abdul Malik Karim Amrullah (2007) menyebut bahawa jiwa manusia yang dipenuhi tauhid adalah jiwa merdeka. Sesiapa yang menyekutukan Allah SWT, jiwa mereka itu tidak merdeka, bahkan pegangannya akan rapuh serta mereka menganiaya diri mereka sendiri. Al-Quran juga menjelaskan asas pertama di dalam persoalan akidah iaitu hubungan akidah haruslah dijadikan hubungan utama yang mesti didahulukan daripada hubungan keturunan dan hubungan darah. Walaupun hubungan keturunan dan darah merupakan satu hubungan mesra dan kuat namun ia merupakan hubungan kedua dari hubungan pertama iaitu tauhid (Sayyid Qutb 1992). Ini berterusan kepada sebuah penerangan yang amat berkesan ketika menggambarkan kebesaran ilmu Allah SWT yang halus dan syumul yang membuat hati manusia gemetar walau di mana mereka berada. Kemudian Luqman menyambung nasihatnya kepada anaknya berkaitan ibadah iaitu mendirikan solat. Solat adalah amalan yang penting bagi umat Islam kerana ia adalah tiang agama. Dalam solat ada keredaan-Nya kerana orang yang solat dia tunduk kepada Allah SWT. Dalam solat mengandungi banyak hikmah, ia boleh mencegah diri dari perkara yang mungkar. Apabila seseorang melakukan solat dengan sempurna, ia dapat membersihkan jiwanya (al-Maraghiy 2009).

Mesej Luqman banyak berkaitan akhlak iaitu berbuat baik kepada ibu bapa, merendahkan suara iaitu memadai pada kadar keperluan pendengar dan jangan mengeraskan suara pada sesuatu yang tidak bermanfaat iaitu berbicara sesuai dengan keperluan kerana kata-kata orang yang bercakap lebih mudah diterima dan pendengar lebih mudah memahami dan tenang, tidak bersifat bohong dan sabar menghadapi akibat-akibat kesusahan dan kesulitan yang menimpa seperti sakit dan sebagainya (al-Qurtubi 2009). Ini merupakan antara adab ketika berkata-kata di samping bercakap ketika perlu (Ahmad Hasan Mohd Nazam 2012) dan di bincangkan tentang syukur, ada yang menyebut bahawa syukur itu syukur kepada Allah SWT atas nikmat iman dan syukur kepada ibu bapa kerana nikmat pendidikan (al-Qurtubi 2009). Luqman melarang anaknya dari perilaku yang buruk dan diterapkan dengan perilaku yang baik iaitu '*bersederhanalah kamu dalam berjalan*' dengan sikap rendah hati atau bertawadduk (al-Maraghiy 2009). Sabar menanggung kesusahan turut ditekankan. Seorang anak perlu berbakti kepada kedua ibu bapa dengan cara yang baik bagi menjaga hak mereka, Walaupun begitu, berbakti kepada ibu bapa tidak boleh melanggar hak Allah SWT (Al-Maraghiy 2009). Berbuat baik kepada ibu bapa adalah perintah daripada Allah SWT walaupun ibu bapanya berbeza agama (Abdul Malik Karim Amrullah 2007). Nilai keibubapaan yang boleh diambil untuk teladan anak-anak ialah hendaklah sopan dalam berbicara dan tidak berlebihan dalam bertutur. Konsep ini juga berkait rapat dengan etika ketika dalam perbincangan. Dalam pada itu, ibu bapa harus menegaskan kepada anak-anak etika berbicara iaitu tidak merendahkan sesiapa yang diajak bicara atau bertukar fikiran. Ayat ini mengajar konsep berdialog antara sesama manusia (Ibnu Katsir 2000). Ayat ini menjadi dalil bahawa menyambung hubungan dengan kedua ibu yang belum Islam dengan memberikan harta, jika mereka fakir, ucapilah kata-kata yang baik dan mengajak keduanya kepada Islam dengan cara yang lembut (al-Qurtubi 2009).

Di samping itu, mesej dakwah juga dibincangkan iaitu menyuruh berbuat perkara ma'ruf dan melarang perkara yang mungkar. Jika mampu melakukan *amar makruf* dengan tangan, maka lakukan dengan tangan. Jika tidak mampu, lakukan dengan lidah. Jika tidak mampu lakukan dengan hati (Ibnu Kathir al-Dimsyiqi 2003). Beliau juga mengajar adab sopan yang wajib bagi pendakwah kepada Allah S.W.T iaitu jangan bersikap takabur terhadap orang lain kerana ianya akan merosakkan dengan contoh teladan yang baik. Penerangan berkesan kepada jiwa yang menghinakan sikap sombong dan takabur itu dapat dilihat dengan jelas di dalam ayat terakhir itu (Yusoff Zaky Haji Yacob 2000). Dalam ayat ini Abdul Malik Karim Amrullah (2007) mendapati asas pendidikan anak-anak Islam iaitu mengandungi akidah iaitu kepercayaan tauhid, timbulnya rasa merdeka dan bebas dari belenggu kebendaan. Dasar dalam keluarga Muslim adalah sikap hormat, kasih sayang dari anak kepada ibu bapa. Cinta tidak berubah tetapi cinta kepada ibu bapa tidak boleh mengalahkan akidah. Nasihat-nasihat yang diberikan oleh Luqman Al-Hakim kepada anak-anaknya dengan ungkapan bahasa amat indah (Muhammad Khair Ramadhan Yusuf 2006) dapat dikatakan bahawa ia merangkumi semua aspek dalam proses pembentukan sahsiah anak-anak. Bermula daripada hubungan dengan Allah SWT, hubungan dengan ibu bapa dan seterusnya perkara-perkara yang wajib di patuhi dan ditinggalkan. Perkara-perkara ini merupakan asas yang haruslah diterapkan oleh setiap ibu bapa kepada anak-anak sejak dari pendidikan awal mereka sehinggalah mereka dewasa kerana ia merupakan perkara yang harus sentiasa diingatkan dan juga disuntik agar anak-anak tidak lari dari landasan yang dituntut oleh Islam.

4.0 Penutup

Mesej adalah komponen penting dalam proses komunikasi. Proses komunikasi berjaya jika mesej yang disampaikan dapat difahami dan memberi makna yang tepat. Mesej komunikasi ini banyak disebut dalam al-Quran. Mesej komunikasi juga dibincangkan dalam institusi kekeluargaan termasuk dalam surah Luqman. Dalam surah Luqman telah dibahaskan mesej yang penting dalam kehidupan. Ia merangkumi akidah iaitu jangan mensyirikkan Allah, ibadah berkaitan solat dan akhlak iaitu sabar, jangan memaling wajah daripada manusia, jangan berjalan di muka bumi dengan angkuh, jangan bongkak, perlahankan suara dan mesej dakwah yang ditekankan iaitu *amar makruf nahi mungkar*. Luqman merupakan contoh bapa yang disebut dalam al-Quran sebagai panduan kepada bapa-bapa masakini agar terus menyampaikan mesej yang berguna kepada anak-anak dengan menggunakan bahasa yang indah di samping memanggil gelaran anak-anak dengan gelaran yang menunjukkan kasih sayang seorang bapa terhadap anak.

Rujukan

Al-Quran

Buku

Aadron Rausch. (2001). *Farm And Family Connections: Communication In The Family*. Farm Business Management for the 21st Century, 1.

Abd Rahim Abd Rashid, Sufean Hussin, Jamaludin Tubah. 2006. *Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Maziza Sdn Bhd.

- Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA). 2007. *Tafsir Al Azhar Jilid 7*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Ahmad Hasan Mohd Nazam. 2012. *Wasiat Luqman al-Hakim*. Kuala Lumpur.Telaga Biru Sdn Bhd.
- Al-Alusi, Shihabuddin Mahmud ibnu Abdullah al-Husaini. t.th. *Rūhūl Maʿānī fī Tafsīr al-Quran al-ʿAzīm wa Sabʿu al Mathānī*. t.tp: t. pt.
- Al-Baghawi, Abu Muhammad al-Husain bin Masud. 1997. *Maʿālīm al-Tanzīl*. Jil 8. t. tp: Dār Tayyibah li al-Nasyr wa al Tawzīk
- Buerah Tungga. Shanah Ngadi. Hamimah Abu Naim. 2015. *Delinkuen Pelajar Dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja/Pelajar Muslim Bersepadu*. Skudai: Fakulti Tamadun Islam. Universiti Teknologi Malaysia.
- Burgoon Michael, R. M. 1978. *Human Communication A Revision of Approaching Speech/Communication*.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Kaedah Penyelidikan*.Ed ketiga. Selangor : Mc Graw Hill Education.
- Devito, J. 1997. *Komunikasi Antara Manusia*. Jakarta: Indonesia Profesional Book.
- Devito, J. A. 2013. *The Interpersonal Communication Book*. Pearson.
- Gerald L. Pepper. 1995. *Communication in Organizations: A Cultural Approach*. United States: McGraw-Hill.
- Ibnu Kathir al-Dimsiyiqi. 2003. *Qasas al-Quran*. Beirut: Dār al-Kutūb al-ilmiah.
- al-Jazairi Abu Bakar Jabir. 2008. *Tafsīr al-Quran al-Aisar* . Jil 5. Jakarta Timur: Darus Sunnah Press.
- J.Severin Werner, W. Tankard Jr James. *Teori Komunikasi* (Terj) Vincent Lowe, Abdullah Hasan.1988.Kuala Lumpur Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- John Velentzas, Georgia Broni. 2014. *Communication Cycle : Definition, process, models and examples. Recent Advances in Financial Planning and Product Development*. Greece: Technological Institute of Western Macedonia.
- Joana Antwi Donkor. (2016). *Communicating With Different Members Of The Family. Communication: A Tool For Building Healthy Family Relationship Within The Family's System*, 11.
- Katherine Miller. (2012). *Organizational Communication : Approaches And Processes*. Stamford: Cengage Learning.Miller, Katherine. 2012. *Organizational Communication: Approaches and Processes*. Stamford: Cengage Learning.
- al – Khalidy. Solah Abdul Fattah. 2004. *Ma'a Qasas al-Sābiqīn fī al-Quran*. Damsyiq: Dār al-Qalam
- Mohd Majid Konting. (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mustafa Haji Daud. (1991). *Tamadun islam*. Kuala Lumpur: Tinggi press sdn bhd.
- al-Marāghiy. 2001. *Tafsīr al-Marāghiy*. Terj Muhammad Thalib. Jil 11(Juz 21& 22) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Muhammad Khair Ramadhan Yusuf. 2006. *Kisah Luqman Al-Hakim & Kebijaksanaannya*. Jasmin Enterprise.
- al-Qahtahi, Said bin Ali bin Wahf. 2015. Muhammad Muhtadi (terj) *Panduan Lengkap Tarbiyatul Aulād*. Solo: Penerbit Zam Zam.
- Al-Qurtubi. 2009. *al-Jami' lī Ahkām al-Quran*. Terj. Fathurrahman Abdul Hamid,Dudi Rosyadi, Marwan Affandi. Jakarta Selatan. Pustaka Azzam.
- Sayyid Qutb, 1992. *Fī Zilāl al-Quran*. 1412 H/1992 M. Kaherah: Dār al-Syuruq.
- Sidek Baba. 2010. *Keluarga Sakinah*. Shah Alam: Alaf 21.
- Suharto, A. (2010). *Komunikasi Sosial Budaya*. Yogyakarta: Grahal Imu.
- Rezki Perdani Sawai & Sapora Sipon 2010. *Permata Berbicara: Komunikasi dalam Keluarga*. Ed 2. Nilai: Penerbit USIM.
- Rohana Tan, Norhasni Zainal Abidin, Azimi Hamzah & Fathiyah Mohd Fakhruddin. (t.th). *Hubungan Pendidikan Keagamaan Oleh Ibu Bapa Dan Pertautan Rakan Sebaya Dengan Akhlak Belia Di Institusi Pengajian Awam Terpilih Di Selangor*. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 96.
- Zulkefli Aini dan S.Salahudin Suyurno. 2016. *Pengantar Komunikasi Dakwah*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan.UKM.

Jurnal

- Abdul Munir Ismail. 2013. Pendekatan Dakwah Oleh Ibu Bapa Suku Banjar Bagi Membentuk Anak Patuh Kepada Ajaran Islam. *Journal of Human Capital Development*, 125-144.Vo 4, No 2.
- Abu Dzar Ahmad, Mohd Arif Nazri. 2017. Komunikasi Keluarga Berdasarkan Uslub Nabi SAW. *Jurnal al-Turath*,Vo 2, No 1.
- Ahmad Gawdy Prananosa, Doni Pestalozi, Adisel. 2018. Konsep Komunikasi Pendidikan Dalam Alqur`An Surat Lukman. *Journal Of Administration and Educational Management (ALIGNMENT)*, 24-37.
- Ahmad, M. I., Adnan, H. A., Satar, J. A., Sulaiman, W. S. W., Azreena, J. W., Abidin, J. Z., & Zain, W. M. S. W. M. 2015. Faktor dan cara gaya hidup serta kemungkinan kembali pulih dalam kalangan lesbian: satu kajian kes. *Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol 10, No 1.
- Amaludin Bin Ab. Rahman, Zainal Bin Madon. T.th.. Konsep Keibubapaan Teras Pembentukan Insan Terbilang. *Jurnal Penyelidikan Islam*.

- Asizah dan Fabiola Hendrati. 2013. Intensitas Komunikasi Antara Anak Dengan Orang Tua Dan Self Regulation pada Remaja Pesantren. *Persona, Jurnal Psikologi Indonesia*, 90-98.
- Che Hasniza Che Noh dan Fatimah Yusoff. 2011. Corak Komunikasi Keluarga Dalam Kalangan Keluarga Melayu di Terengganu. *Jurnal Hadhari*, Vol 3, No 2.
- Dewi Oingkan Sambuaga. 2014. Pengertian Komunikasi Keluarga. Peranan Komunikasi Keluarga Dalam Mencegah Perkelahian Antara Warga, 6. *Journal "Acta Diurna"*. Vol 4.
- Firdanianty, Djuara Pangihuta Lubis , Herien Puspitawati, Djoko Susanto. 2016. *Komunikasi Remaja Dengan Ayah Masih Minim: Studi Pada Siswa SMA di Kota Bogor* .*Jur. Ilm. Kel. & Kons.*Vol 9, No 2.
- Izzah Nur Aida Zur Raffar dan Salasiah Hanin Hamjah. 2015. Personaliti Bapa daripada Perspektif Islam.*Global Journal al Thaqafah*. VOL 5, No 2.
- Gloria Mariska L., 2014. Proses Komunikasi Orang Tua-Anak Pada Keluarga Dengan Ibu Bekerja Dan Ayah Sebagai Ayah Rumah Tangga. *Jurnal E-Komunikasi*. Vol 2. No.1.
- H.M. Nador . 2015. Komunikasi Interpersonal Orang Tua Muslim Dalam Pembinaan Akhlak Remaja. *Ijtima'iyya*, Vol. 8, No. 1.
- Habibie Bte Hj Ibrahim, Mazni Mustapha, Joki Perdani, Puteri Hayati Megat Ahmad, Nurul Hudani Md Nawi. (2018). Peranan dan Tanggungjawab Ibu Bapa dalam Pengasuhan Anak dan Remaja. *Asian Social Work Journal (ASWJ)*, Vol 3, No 5.
- Holy Sumarina. 2013. Efektivitas Komunikasi Interpersonal Guru Dan Murid (Studi Kasus Pada TK Al-Quran Al-Ittihad Samarinda) *eJournal Imu Komunikasi*. Vol 1, No 2.
- Jamiah Manap, Sidek Baba, Nik Suryani Nik Ab. Rahman dan Haniza Rais . 2013. Pendekatan Komunikasi Keibubapaan dalam Keluarga Ibu Mithali. *Journal of Human Development and Communication*. Vol 2.
- Putra, Fajar Pamukti. 2010. Komunikasi Keluarga dalam Membentuk Disiplin Anak Remaja. *Ilmu Sosial dan Ilmu Politik*, 19.
- Mohd Roslan Abdul Ghani. 2013. Halangan-Halangan Komunikasi Dalam Keluarga Dan Cara Meningkatkan Keberkesanan Komunikasi. *Jurnal Komunikasi*.
- Rahmi 2015. Tokoh Ayah dalam al-Quran dan Keterlibatannya dalam Pembinaan Anak. Kafa'ah: *Jurnal Ilmiah Kajian Gender* Vol.V No.2.
- Sayyid Qutb. 2000. *Tafsīr Fī Zilāl al-Quran (di Bawah Bayang al-Quran)* (terj) Yusoff Zaky Yacob. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan. 2011. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka . *Journal of Education Psychology & Counseling* :115-140

Thesis

Atik Wartini. 2015. Hak Pendidikan Anak Dalam Keluarga Dalam Pandangan Imam Syafi'i. Mahasiswa pasca sarjana PGRA UIN sunan kalijaga Yogyakarta, 73-74.

Robitoh Widi Astuti. 2011. Komunikasi Orang Tua Dan Anak Perspektif Kisah dalam al-Quran. Tesis Sarjana UIN Sunan Kalijaga, Yogyakarta.

Prosiding

Asiah Bt Ali, Irkhaniza Bt Mad Rahim, Mohamed Sharif Bin Mustaffa. (2008). Peranan Komunikasi Dalam Hubungan Kekeluargaan. Seminar Kaunseling, 83.